

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]**

**TARIKH : 07 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

Jumlah permohonan Bantuan Khas COVID-19 (RM100 sehari) dan Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 (BKPC) dari Sarawak yang telah diluluskan oleh NADMA dan berapa jumlah dana telah dibelanjakan serta apakah punca utama permohonan bantuan ditolak walaupun dilengkapi dengan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen sebagaimana tercatat dalam syarat-syarat.

**JAWAPAN**

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

a. Sehingga 6 Disember 2021, sebanyak 1,773 pemohonan yang beralamat dari negeri Sarawak telah menerima bantuan khas COVID-19 berjumlah RM2.054 juta. Manakala, bagi Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 pula, seramai 465 orang waris bagi kes kematian di Sarawak telah menerima bantuan berjumlah RM2.235 juta.

b. Punca permohonan ditolak bagi bantuan khas adalah pemohon bukan warganegara, tidak bekerja atau tidak mempunyai pendapatan sebelum dikuarantin. Manakala bagi bantuan khas pengurusan kematian adalah kematian bukan warganegara dan bukan disebabkan COVID-19.

Sekian, terima kasih.